Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 05/03/2020
Edisi / Muka Surat : Nasional / 27
Tajuk : Covid-19 Jejas Perolehan Koperasi

Covid-19 jejas perolehan koperasi

Koperasi disaran kaji semula strategi perniagaan

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN

Abdul Fattah (dua dari kiri) ketika melawat gerai ahli koperasi pada Persidangan Negeri Angkasa 2020 di Seremban semalam.

Kajian dan perubahan strategi pelan perniagaan dalam aktiviti perniagaan koperasi yang terjejas akibat koronavirus (Covid-19) disaran dilakukan dalam memastikan momentum perolehan koperasi.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, dalam tempoh dua bulan ini, perolehan koperasi terjejas sehingga RM8 juta dan dijangka lebih tinggi jika wabak Covid-19 tidak dapat diselesaikan sehingga hujung tahun ini.

"Disebabkan Covid-19 kita terpaksa menangguhkan promosi barangan koperasi ke luar negara dan juga import barangan *hardware* dari China.

"Jika wabak ini berterusan sehingga hujung tahun ini, kita jangkakan perolehan koperasi akan terjejas sehingga RM100 juta. Sebab itu kita saran koperasi yang terjejas untuk kaji semula strategi perniagaan mereka," katanya pada sidang akhbar selepas hadir Persidangan Negeri Angkasa 2020 Peringkat Negeri Sembilan di sini semalam.

Menurutnya, sebanyak 400 buah koperasi yang menjalankan perniagaan berasaskan pelancongan terjejas termasuk yang mengusahakan homestay.

Beliau berkata, sektor pemborongan dan peruncitan antara lapan daripada sektor pembangunan perniagaan koperasi yang mempunyai potensi untuk diceburi.

"Kita cadang untuk mereka sertai dua sektor ini kerana sektor ini memberi servis kepada ahli kerana tak banyak koperasi yang sertai sektor ini sedangkan bidang ini mempunyai potensi yang besar dan dapat beri manfaat kepada 6 juta ahli koperasi.

"Angkasa sedia beri bimbingan dan nasihat jika mana-mana koperasi berminat ceburi bidang ini sekali gus dapat membantu perniagaan mereka," katanya.

Jelas beliau, perubahan pelan perniagaan yang dibuat diharap dapat mencapai sasaran RM50 bilion perolehan koperasi tahun seperti mana ditetapkan dalam Dasar Koperasi Negara 2011-2020.

Berkenaan dengan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 yang dibentangkan lalu, beliau berharap ia dapat ditambah baik dengan turut menyentuh peranan sektor koperasi yang juga menyumbang tiga peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar(KDNK) negara.

"Memang tiga peratus itu jumlahnya tidak besar, tapi kita ada sebanyak 14,417 buah koperasi di seluruh negara yang memberi sumbangan dari aspek kesejahteraan kepada ahli.

"Jumlah koperasi juga sentiasa bertambah bergantung kepada permintaan dan ia boleh dijadikan sebagai instrumen yang boleh meningkatkan taraf hidup rakyat dari segi ekonomi," katanya.

Perpustakaan Koperasi Malaysia ANGKASA